

## **RUKUN NEGARA SEBAGAI MEDIUM PEMBINAAN BANGSA: PENELITIAN AWAL TERHADAP MAHASISWA DAN MAHASISWI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)**

### **Rukun Negara (National Principles) as A Medium of Nation Building: A Preliminary Study on Students of Higher Education Institutions**

MOHAMED ALI BIN HANIFFA

m.ali@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia

AYU NOR AZILAH MOHAMAD

ayunorazilah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

MOHD ADIB AKMAL AHMAD SHATIR

adibakmal@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### **Abstrak**

Manifestasi cintakan negara dipamerkan melalui keterlibatan dan sumbangan warga masyarakat secara langsung atau sebaliknya dalam proses pembangunan negara. Perasaan cintakan negara diterjemahkan melalui penghayatan terhadap Rukun Negara. Prinsip Rukun Negara, mendukung cita-cita mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat dan memelihara satu cara hidup demokratik. Lima prinsip Rukun Negara perlu dijiwai oleh warganegara Malaysia bagi mencipta dan mengupayakan masyarakat agar kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil serta saksama. Penelitian makalah ini ialah terhadap objektif kajian ketiga iaitu Menganalisis Keprihatinan Para Pelajar di IPT Dalam Memastikan Prinsip Rukun Negara Terus Relevan Sebagai Medium Pembinaan Bangsa di Malaysia. Kajian ini akan merungkai persoalan di atas dengan menggunakan metodologi penelitian campuran melalui pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif. Soal selidik terhadap 242 orang responden dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi tempatan di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dijadikan sampel kajian awal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keprihatinan para pelajar di IPT berada pada tahap sangat tinggi dengan keseluruhan min sebanyak 4.25 dan sisihan piawai .499. Keprihatinan terhadap prinsip Rukun Negara dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Malaysia sangat perlu dalam menjadi wadah cerminan literasi, pemahaman serta penghayatan patriotisme terhadap negara. Rukun Negara dapat berfungsi sebagai elemen membina masyarakat dan bangsa yang progresif serta moden. Hal yang demikian perlu dalam mempertahankan prinsip, agama, bangsa dan tanah air yang merdeka.

Kata kunci: Rukun Negara, Pembinaan Bangsa, Institusi Pengajian Tinggi, Wadah, Patriotisme, Tanah Air

## **Abstract**

Manifestation of love for the country is displayed through the involvement and contribution of citizens, directly or indirectly, in the process of national development. The feeling of love for the country is translated through the appreciation of the Rukun Negara. The principles of Rukun Negara nurture the ambitions of fostering better unity amongst the society and preserving a democratic way of life. Malaysian citizens must embody the five principles of Rukun Negara to create a just society where the prosperity of the country can be enjoyed together in a fair and equitable manner. This paper focuses on the third research objective, which is to Analyze the Concerns of IPT Students in Ensuring the Principles of Rukun Negara Remain Relevant as a Nation Building Medium in Malaysia. This study will unravel the above questions using a mixed research methodology through qualitative and quantitative data collections. A questionnaire of 242 respondents among local male and female students in Higher Education Institutions in Malaysia was used, as a sample, for the preliminary study. The findings of the study showed that the concerns of the IPT students are at a very high level, with an overall mean of 4.25 and a standard deviation of .499. Concerns for the principles of Rukun Negara among students in Malaysia are vital as a platform to demonstrate literacy, understanding, and appreciation of patriotism towards the country. Rukun Negara serves as an element to build a progressive and modern society and nation. This is necessary for maintaining the principles, religion, nation, and an independent country.

Keywords: Rukun Negara, Nation Building, Higher Education Institutions, Platform, Patriotism, Country

### **1.0 PENDAHULUAN**

Manifestasi cintakan negara dipamerkan melalui keterlibatan dan sumbangan warga masyarakat secara langsung atau sebaliknya dalam proses pembangunan negara. Nilai-nilai patriotisme dan perpaduan sangat penting dalam memastikan perasaan cintakan negara dapat disemai dalam kalangan generasi akan datang. Sumbangan semua warganegara dalam mengisi erti kemerdekaan negara tidak boleh dipandang rendah. Masyarakat majmuk yang terdiri dari pelbagai ras dan keturunan berperanan penting dalam agenda pembangunan negara. Hal yang demikian menyebabkan acuan pemikiran dan tindakan mereka turut berubah sejajar dengan perkembangan arus pembangunan global. Dalam menuju dasawarsa yang serba mencabar ini semua lapisan masyarakat harus mengetepikan perbezaan, sebaliknya mencari titik persamaan agar dapat terus hidup bersatu padu dan harmoni. Kita perlu mengakui hakikat bahawa Malaysia adalah negara yang memiliki kepelbagaian kaum, budaya dan agama, sekali gus memaksa penduduknya untuk terus menerima perbezaan berkenaan. Tahun 2021 merupakan ulang tahun ke-51 pengisytiharan Rukun Negara. Prinsip Rukun Negara, mendukung cita-cita mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya dan memelihara satu cara hidup demokratik. Lima prinsip Rukun Negara perlu dijiwai oleh warganegara Malaysia bagi mencipta dan mengupayakan masyarakat yang adil agar kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil serta saksama. Namun dalam konteks hari ini, jati diri dan kepatuhan terhadap lima prinsip Rukun Negara semakin terhakis. Hal yang demikian diterjemahkan melalui provokasi dalam kalangan etnik dan ketidak patuhan terhadap sistem pentadbiran negara.

Kajian ini menggunakan seramai 242 orang responden yang terdiri dari 85.5 peratus (207) orang pelajar IPT dari peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda. Ini diikuti seramai 14.5 peratus (35) orang dari peringkat pengajian Diploma. Penelitian di dalam makalah ini ialah terhadap keprihatinan para pelajar di IPT dalam memastikan prinsip Rukun Negara terus relevan sebagai medium pembinaan bangsa di Malaysia. Pemahaman dan penghayatan warganegara Malaysia terhadap prinsip Rukun Negara juga signifikan dengan Dasar Perpaduan Negara 2021-2031.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang etnik, agama dan budaya. Justeru itu, sering dijadikan suri teladan dan model sebagai negara yang bersatu-padu dan harmoni. Walaupun adakalanya wujud perbezaan, persaingan dan konflik, tetapi kesepaduan sosial yang wujud sekian lama dalam masyarakat berjaya mengekalkan perpaduan di negara kita. Rukun Negara diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah pada 31 Ogos 1970 bersempena Sambutan Kemerdekaan Ke-13. Rukun Negara dirangka hasil rundingan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang mengandungi lima prinsip. Dalam usaha membangunkan Rukun Negara, pelbagai jenis percanggahan wujud khususnya ketika Tanah Melayu menuju ke arah kemerdekaan (Eddin Khoo, 2020). Hal yang demikian juga menjadi polemik pada tahun 2019 sempena ulang tahun ke-50 Tragedi 13 Mei. Pelbagai dokumen baharu yang diperoleh cuba didedahkan kepada masyarakat umum bagi menimbulkan kekeliruan (Kua Kia Soong, 2007).

Tahap literasi, pemahaman dan penghayatan warganegara Malaysia terhadap lima prinsip Rukun Negara menjadi persoalan berikutan kemunculan isu yang berkaitan dengan kebebasan bersuara dalam media sosial tanpa had. Hal yang demikian juga termasuk menyentuh isu sensitif antara etnik, tidak menghormati pemimpin negara, menjadi samseng jalanan dan sebagainya. Kunci kepada kejayaan perpaduan terletak kepada penghayatan dan pemahaman rakyat terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara. Prinsip Rukun Negara berkait dengan perpaduan dan mencerminkan kepelbagaian. Justeru itu, nilai-nilai perpaduan perlu dipupuk agar terus sehati dalam jiwa rakyat Malaysia dan tidak mensia-siakan segala pengorbanan para pejuang kemerdekaan terdahulu. Sikap tidak menghormati prinsip Rukun Negara juga dapat dilihat apabila Lagu Kebangsaan negara iaitu “Negaraku” dihina. Antara bentuk penghinaan ialah rentak ditukar dan dinyanyikan dengan bukan Bahasa Kebangsaan serta lirik ditukar dengan tujuan menghina negara. Hal ini jelas menunjukkan betapa terdapat golongan yang cuba mengingkari prinsip dan kedaulatan Rukun Negara. Bukan itu sahaja, ramai dalam kalangan rakyat Malaysia menyalahgunakan hak kebebasan. Antaranya ialah dengan cara menggunakan media sosial untuk menunjukkan dan menyuarakan pendapat serta pandangan mereka tanpa mengambil kira kepentingan bersama (*Berita Harian Online*, 9 Julai, 2020).

Beberapa rentetan peristiwa sejak kebelakangan ini memberi gambaran bahawa prinsip Rukun Negara kini seolah-olah sudah dilupakan serta tidak lagi relevan dalam konteks kehidupan masyarakat. Hal yang demikian sering kali berlaku menjelang sambutan Hari Kebangsaan. Masih kedapatan isu bendera terbalik, menukar Jata Negara dan sengaja mengibarkan bendera bukan Jalur Gemilang yang bertentangan dengan undang-undang negara (<https://ismaweb.net/2020/09/07/isu-benderaterbalik-pertikai-kuasa-raja-melayu-mana-prinsip-rukun-negara/>). Dalam konteks hari ini, gejala rasuah semakin meningkat di Malaysia tanpa

mengenal batasan dan kedudukan seseorang. Umum sudah mengetahui bahawa rasuah merupakan gejala tidak sihat dan merosakkan rakyat serta negara. Bilangan tangkapan kes jenayah rasuah di Malaysia oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak 23 peratus berbanding tahun 2018. Manakala, tangkapan bagi salah guna kedudukan dan lain-lain kesalahan di bawah indeks jenayah rasuah pula menunjukkan penurunan pada kadar 24.7 peratus dan 9.8 peratus (*Sinar Harian*, 22 Februari 2021).

Di Johor Bahru pula seramai tujuh orang petugas kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor, direman tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan urusan cukai jalan Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang membabitkan lebih 1,000 jenis kenderaan bermotor dengan nilai mencecah RM3.1 juta (*Berita Harian Online*, 22 Februari 2021). Isu yang berkaitan dengan Rukun Negara juga sering kali menjadi polemik dalam kalangan etnik. Hal yang demikian berlaku pada Januari 2021 susulan pembatalan cuti perayaan Thaipusam di negeri Kedah yang mempunyai lebih 126,000 penduduk kaum India. Isu tersebut disensasikan oleh Naib Presiden *Malayan Indian Congress* iaitu Datuk A. Kohilan Pillay yang menyatakan bahawa Menteri Besar Kedah tidak memahami prinsip Rukun Negara. Menurut beliau, individu yang benar-benar menghayati dan memahami Rukun Negara tidak akan sama sekali mengeluarkan kenyataan yang dianggap bersifat perkauman. Ini juga menyebabkan rasa kurang selesa dalam kalangan penganut agama Hindu di negeri Kedah dan beliau menyeru Menteri Besar Kedah memohon maaf secara terbuka (<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tindakan-mb-kedah-batal-cuti-thaipusam-untuk-puaskan-agendasendiri-dakwa-pemimpin-pkr-279190>).

Negara juga dikejutkan dengan perbuatan yang dirakam melalui kamera litar tertutup (CCTV) di maana menunjukkan perbuatan dua orang wanita dipercayai menjadi dalang merosakkan mural barisan pemimpin negara di Taman Cahaya Alam, Seksyen U12. Rakaman video berdurasi dua minit 20 saat itu memaparkan sebuah kereta diletakkan di sebelah lorong lukisan mural berkenaan sebelum kelibat dua individu itu muncul melakukan vandalisme. Mereka menconteng kata-kata kesat di gambar pemimpin negara termasuk Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebelum beredar. Mural berkenaan adalah hasil karya tiga anak muda sebagai tanda penghargaan kepada barisan pemimpin negara terutamanya dalam usaha menangani pandemik Covid-19 (*Berita Harian Online*, 20 Julai 2020).

Penghinaan terhadap institusi beraja juga turut dilakukan melalui perbuatan memuat naik paparan di laman *Facebook*. Hal yang demikian dilakukan oleh pemilik *Facebook* 'Sabah - Sarawak Merdeka' yang memuat naik gambar menghina Yang di-Pertuan Agong (*Harian Metro*, 13 April 2019). Ternyata, institusi diraja di Malaysia mempunyai kepentingan sama ada dari segi nilai kenegaraan dan sejarah. Dari segi roh kenegaraan, institusi Raja Berperlembagaan penting kerana ia menjadi payung kedaulatan negara, menaungi seluruh rakyat dan kepercayaan agama. Institusi ini penting dalam menjamin kestabilan negara. Justeru, prinsip kedua Rukun Negara meletakkan Raja perlu ditaati. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara seperti termaktub dalam Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan (Mohd Sufiean Hassan, 2013: 17).

Prinsip tidak menghormati kedaulatan undang-undang juga berlaku berikutan insiden serangan terhadap mantan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman semasa menghadiri majlis di Ulu Tiram, Johor pada 1 Februari 2020. Tindakan kasar dan biadap yang berlaku pada

ketika itu tidak mencerminkan akhlak yang baik dan ianya perlu dikecam. Setiap negara mempunyai undang-undang, malah kerajaan telah mengamalkan “Rule of Law” dan semua pihak tanpa terkecuali, harus mematuhi undang-undang negara yang ditetapkan (<https://www.themalayapost.my/jemaah-menteri-mahu-semua-pihak-menghormati-kedaulatan-undang-undang-negara/>).

Rukun Negara merupakan prinsip yang perlu dipandang tinggi dan dilindungi oleh Perlembagaan dan undang-undang. Namun begitu, senario dewasa kini yang berlaku secara tersurat atau tersirat sedikit sebanyak menunjukkan tidak semua rakyat Malaysia menghormati prinsip Rukun Negara. Rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran mahupun senario politik tempatan menyebabkan terdapat sebilangan kecil rakyat Malaysia bertindak mengkritik secara kurang berhemah tanpa mengambil kira impak daripada perbuatan mereka ini. Malah lebih buruk lagi apabila terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang menetap di luar negara terbawa-bawa oleh kebencian ini lalu memburukkan negara di pentas dunia. Ini merupakan tindakan yang tidak wajar dan tidak bertanggungjawab.

Di Sabah dan Sarawak masyarakatnya terdiri daripada pelbagai etnik dan mempunyai sudut pandang berbeza yang berkurun serta diwarnai pelbagai latar belakang budaya, agama serta cara hidup. Namun mempertahankan prinsip Rukun Negara adalah merupakan satu kewajipan. Masyarakat harus memahami aspek budaya hormat-menghormati antara satu sama lain untuk mencapai satu negara yang sejahtera, aman dan makmur. Ketiadaan perpaduan kaum dan bangsa akan menyebabkan matlamat “Bina Bangsa” tidak akan tercapai. Hal yang demikian juga pernah dinyatakan oleh Perdana Menteri Kedua Malaysia iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, iaitu 'Rahsia kesempurnaan Rukun Negara adalah pada amalannya, tanpa amalan, Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna'. Manakala Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah Rukun Negara bukan sekadar simbolik tetapi perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan (<https://www.astroawani.com/videomalaysia/roh-rukun-negara-perlu-dihayati-diamalkan-1865093>). Berdasarkan kepada beberapa permasalahan yang dinyatakan, jelas bahawa penelitian terhadap prinsip Rukun Negara sebagai medium pembinaan bangsa perlu dilihat dan dinilai semula berdasarkan kepada beberapa insiden yang berlaku dalam negara.

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan berfokuskan sumber sekunder sebagai tinjauan awal. Tumpuan utama adalah terhadap penggunaan dokumen yang relevan dan merupakan sumber awalan kepada kajian ini. Rujukan dan penelitian awal dilakukan terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku, artikel, jurnal, brosur, buletin, garis panduan dan dasar kementerian. Manakala pendekatan kuantitatif digunakan bagi tujuan pengumpulan data, dokumentasi dan pembinaan instrumen (soal selidik), kajian rintis, pengumpulan data serta analisis data.

### **4.0 SOROTON LITERATUR**

Ramai Sarjana terdahulu membincangkan mengenai Peristiwa 13 Mei 1969 yang menyebabkan Rukun Negara dibentuk. Pandangan yang neutral perlu diperoleh dari sisi latar belakang etnik

yang berbeza. Antaranya ialah penelitian terhadap buku yang bertajuk *May 13 Declassified Documents on The Malaysian Riots of 1969* (Kua Kia Soong, 2007: 149), *13 Mei Sebelum dan Selepas* (Tunku Abdul Rahman, 2007: i), *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur* (Abdul Rahman Ibrahim, 2015: 76) dan *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu-Cina* (Leon Comber, 2007, 123). Bacaan asas mengenai Rukun Negara juga boleh diperoleh dari penulisan yang bertajuk *Rukunegara Selayang Pandang* (Eddin Khoo, 2020: 23). *Rukun Negara, Peranan, Penghayatan dan Cabaran Dalam Perpaduan di Malaysia* (Ayu Nor Azilah, 2014: 383), *Rukun Negara Dalam Memperkukuhkan Ketahanan Negara* (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2010: 443), *Persepsi Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Kursus Pengajian Malaysia* (Hadijah Johari, 2019: 28) dan lain-lain lagi. Namun keseluruhan intipati yang dibincangkan ialah keperluan untuk bersatu padu dan mengelakkan prasangka dalam kehidupan bermasyarakat. Kesatuan pemikiran dan tindakan yang dimiliki akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi, mengekalkan kestabilan politik serta sistem pemerintahan negara yang demokratik (Raduan Tambi, 2013: 17).

## **5.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian ini membuat perincian mengenai Objektif 3 iaitu Menganalisis Keprihatinan Para Pelajar Di IPT Dalam Memastikan Prinsip Rukun Negara Terus Relevan Sebagai Medium Pembinaan Bangsa di Malaysia. Seramai 242 orang responden dalam kalangan pelajar IPT memberikan maklum balas iaitu 84 orang lelaki (34.7) peratus dan 158 orang perempuan (65.3) peratus. Manakala kategori taburan responden mengikut umur pelajar IPT di seluruh Malaysia dibahagikan kepada lima peringkat. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar IPT adalah dalam kalangan mereka yang berumur 21 hingga 22 tahun, 53.7 peratus (130) lebih ramai berbanding pelajar IPT yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun, 28.5 peratus (69), 23 hingga 24 tahun, 10.3 peratus (25) dan 25 hingga 26 tahun, 6.2 peratus (15). Bilangan yang paling sedikit adalah pelajar IPT yang berumur lebih 27 tahun hanyalah sebanyak 1.2 peratus (3).

Hasil kajian yang dilaksanakan juga mendapati bahawa majoriti 52.5 peratus (127) pelajar dari Tahun 1, pengajian di IPT. Ini diikuti sebanyak 28.5 peratus (69) pelajar dari Tahun 2. Manakala sebanyak 11.6 peratus (28) pelajar dari Tahun 4 dan paling sedikit 7.4 peratus (18) pelajar dari Tahun 3. Data kajian awal juga menunjukkan bahawa responden pelajar IPT di Malaysia hanya terdiri dari dua kategori. Majoriti seramai 85.5 peratus (207) pelajar IPT dari peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda. Ini diikuti seramai 14.5 peratus (35) dari peringkat pengajian Diploma.

Jadual interpretasi data dibuat bagi penetapan tahap untuk mengukur tahap keprihatinan mahasiswa dan mahasiswi IPT di Malaysia terhadap prinsip Rukun Negara sebagai medium integrasi. Data kajian dikutip melalui soal selidik dengan menggunakan 5 Skala Likert. Interval min daripada analisis deskriptif digunakan bagi mengukur tahap keprihatinan mahasiswa IPT. Nilai min skala lima Likert dibahagi kepada lima mata mengikut tahap sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi (M. Tschannen-Moran, etl., 2004: 573-585).

**Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Keprihatinan Para Pelajar di IPT Dalam Memastikan Prinsip Rukun Negara Terus Relevan Sebagai Medium Pembinaan Bangsa di Malaysia**

	Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
		1	2	3	4	5				
1.	Rakyat Malaysia hebat apabila memegang teguh prinsip Rukun Negara.	.4 (1)	1.7 (4)	9.5 (23)	34.7 (84)	53.7 (130)	88.4 (214)	4.39	.761	Sangat Tinggi
2.	Rukun Negara dapat membina sebuah masyarakat progresif dan moden.	.4 (1)	1.2 (3)	7.4 (18)	45.0 (109)	45.9 (111)	90.9 (220)	4.34	.708	Sangat Tinggi
3.	Prasangka terhadap seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang sama sekali.	0 (0)	3.7 (9)	12.4 (30)	36.0 (87)	47.9 (116)	83.9 (203)	4.28	.822	Sangat Tinggi
4.	Bangsa dan negara ini diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan.	0 (0)	2.5 (6)	19.8 (48)	39.3 (95)	38.4 (93)	77.7 (188)	4.13	.816	Tinggi
5.	Warganegara Malaysia hendaklah bersikap jujur, taat dan setia kepada Raja dan Negara.	.4 (1)	.8 (2)	5.0 (12)	26.9 (65)	66.9 (162)	93.8 (227)	4.59	.664	Sangat Tinggi
6.	Rakyat Malaysia tidak boleh memberi taat setia kepada negara lain.	4.1 (10)	11.2 (27)	18.2 (44)	29.8 (72)	36.8 (89)	66.6 (161)	3.83	1.16	Tinggi
7.	Setiap warganegara Malaysia bertanggungjawab mempertahankan Perlembagaan.	.4 (1)	.4 (1)	4.5 (11)	37.6 (91)	57.0 (138)	94.6 (229)	4.50	.645	Sangat Tinggi
8.	Perlembagaan Persekutuan adalah kontrak sosial yang tidak boleh dipersoalkan.	.8 (2)	3.3 (8)	21.5 (52)	36.4 (88)	38.0 (92)	74.4 (180)	4.07	.894	Tinggi
9.	Hak sebagai warganegara boleh digunakan dengan bebas asalkan tidak melanggar undang-undang.	1.7 (4)	2.5 (6)	11.6 (28)	42.6 (103)	41.7 (101)	84.3 (204)	4.20	.862	Tinggi
10.	Kedaulatan undang-undang terjamin dengan adanya sebuah badan kehakiman yang bebas.	2.5 (6)	12.0 (29)	26.4 (64)	28.9 (70)	30.2 (73)	59.1 (143)	3.72	1.09	Tinggi
11.	Setiap orang tidak boleh melanggar batas dan tatasusila.	.4 (1)	.8 (2)	5.8 (14)	41.3 (100)	51.7 (125)	93.0 (225)	4.42	.679	Sangat Tinggi

12	Kesopanan dan kesusilaan dapat menghalang perbuatan angkuh dan menyinggung perasaan golongan lain.	0 (0)	.8 (2)	5.8 (14)	36.4 (88)	57.0 (138)	93.4 (226)	4.49	.645	Sangat Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>								<b>4.25</b>	<b>.499</b>	<b>Sangat Tinggi</b>

**Sumber: Analisis SPSS**

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan responden mengikut tahap keprihatinan para pelajar di IPT dalam memastikan prinsip Rukun Negara terus relevan sebagai medium pembinaan bangsa di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap keprihatinan para pelajar di IPT berada pada tahap sangat tinggi. Hal yang demikian dapat dilihat daripada peratusan tertinggi yang menunjukkan sebanyak 93.8 peratus (227), min 4.59 *Warganegara Malaysia hendaklah bersikap jujur, taat dan setia kepada Raja dan Negara*. Sebanyak 94.6 peratus (229), min 4.50 *Setiap warganegara Malaysia bertanggungjawab mempertahankan Perlembagaan*.

Manakala 93.4 peratus (226), min 4.49 menyatakan bahawa *Kesopanan dan kesusilaan dapat menghalang perbuatan angkuh dan menyinggung perasaan golongan lain* serta 93.0 peratus (225), min 4.42 *Setiap orang tidak boleh melanggar batas dan tatasusila. Rakyat Malaysia hebat apabila memegang teguh prinsip Rukun Negara* dan dibuktikan sebanyak 88.4 peratus (214), min 4.39. *Rukun Negara dapat membina sebuah masyarakat progresif dan moden*, dan dibuktikan dengan dapatan sebanyak 90.9 peratus (220), min 4.34, juga sebanyak 83.9 peratus (203), min 4.28 terhadap *Prasangka terhadap seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang sama sekali*.

Di samping itu, keprihatinan para pelajar di IPT berada pada tahap tinggi dan boleh dilihat daripada peratusan yang menunjukkan sebanyak 84.3 peratus (204), min 4.20 *Hak sebagai warganegara boleh digunakan dengan bebas asalkan tidak melanggar undang-undang*. Manakala sebanyak 77.7 peratus (188), min 4.13, *Bangsa dan negara ini diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Perlembagaan Persekutuan adalah kontrak sosial yang tidak boleh dipersoalkan*. Hal yang demikian disokong dengan dapatan sebanyak 74.4 peratus (180), min 4.07. Sebanyak 66.6 peratus (161), min 3.83 *Rakyat Malaysia tidak boleh memberi taat setia kepada negara lain*. Dapatan data yang paling rendah ialah sebanyak 59.1 peratus (143), min 3.72 di mana responden memberikan maklum balas bahawa *Kedaulatan undang-undang terjamin dengan adanya sebuah badan kehakiman yang bebas*. Dapatan objektif kajian ketiga menunjukkan bahawa keseluruhan Min ialah sebanyak 4.25. Manakala Sisihan Piawai ialah sebanyak .499 dan menunjukkan sangat tinggi.

Dapatan Objektif Kajian 3 juga menunjukkan bahawa cerminan kejayaan masa hadapan sesebuah negara bergantung terhadap keupayaan dan kemantapan sistem nilai generasi muda masa kini. Pendedahan warganegara Malaysia terhadap prinsip Rukun Negara merupakan satu dimensi dalam menyemarakkan semangat patriotik terhadap negara. Namun demikian, dalam senario globalisasi masa kini, golongan muda khususnya harus kental berhadapan dengan cabaran dan bersiap sedia bertahan serta menghormati nilai-nilai sedia ada di samping bersifat dinamik mengatur derap langkah menuju kejayaan. Kecintaan terhadap negara bukan saja setakat



ungkapan yang terukir di bibir sahaja atau dengan menghormati Rukun Negara. Hal yang demikian wajar dimanifestasikan dalam pelbagai artikulasi lestari dan harus bermula dari saat ini.

## **6.0 KESIMPULAN**

Malaysia ialah sebuah negara yang masyarakatnya terdiri dari pelbagai kaum dan keturunan. Kepelbagaian budaya corak nilai hidup sosial dan ekonomi dirumitkan lagi dengan faktor demografi yang meliputi keseluruhan Semenanjung Malaysia. Sejajar dengan perubahan semasa, isu yang berkaitan dengan perpaduan negara sering kali bincangkan dengan rancak. Generasi muda hari ini merupakan pelapis masa hadapan negara. Justeru perpaduan dan hubungan kaum merupakan agenda penting negara supaya situasi negara sentiasa dalam keadaan terjamin. Pendedahan awal kepada mahasiswa dan mahasiswi di IPT sangat penting bagi meningkatkan lagi aspek literasi, kesedaran dan keprihatinan terhadap Rukun Negara. Ini akan dapat mengupayakan pembentukan jati diri nasional yang lebih berdaya tahan dan bersatu padu.

Kajian ini signifikan dan penting dalam meneliti keprihatinan mahasiswa dan mahasiswi terhadap prinsip Rukun Negara bagi agenda membina Bangsa Malaysia. Justeru itu, langkah yang efektif untuk memupuk kesedaran dalam kalangan warganegara Malaysia perlu dilakukan secara konsisten. Agenda ini perlu diberikan keutamaan kerana kerencaman komposisi rakyat Malaysia yang berkemungkinan menimbulkan prejudis. Memahami dan menghayati prinsip Rukun Negara dapat mengeratkan perpaduan rakyat serta melahirkan masyarakat yang berkongsi aspirasi bersama. Justeru itu satu sistem pendidikan yang seragam juga perlu diselaraskan kepada semua etnik di Malaysia agar tidak terkebelakang daripada acuan pembinaan Bangsa Malaysia. Hal yang demikian pernah diungkapkan oleh Rabindranath Tagore, seorang penyajak dan pemikir India iaitu “Bangunkan dahulu sekolah, sebelum bangunkan bangsa”.

## **7.0 PENGHARGAAN**

Artikel ini merupakan sebahagian daripada Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS (GPIK) Tahun 2020 (Kod Penyelidikan KUIS/2020/GPIK-16/GPI/14) yang bertajuk “Keprihatinan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia Terhadap Prinsip Rukun Negara Sebagai Medium Integrasi. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

## **RUJUKAN**

- Ayu Nor Azilah Mohamad, etl., (2014). Rukun Negara, Peranan, Penghayatan dan Cabaran Dalam Perpaduan di Malaysia dlm. Membina Bangsa Malaysia. Jilid 5. Negara Bangsa. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul Rahman Ibrahim. (2015). 13 Mei 1969 Di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010). Rukun Negara dalam Memperkukuhkan Ketahanan Negara.

*In Seminar on National Resilience, 13-15 July 2010, Bayview Hotel Langkawi. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok , pp. 443-457.*

*Berita Harian Online*, 9 Julai 2020, 20 Julai 2020, 22 Februari 2021.

Comber, Leon. (2007). *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.

Eddin Khoo. (2020). *Rukunegara Selayang Pandang*. Kuala Lumpur: Atlas Cetak (M) Sdn. Bhd.  
*Harian Metro*, 13 April 2019

Hadijah Johari. (2019). *Persepsi Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Kursus Pengajian Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019, 24-25 April 2019, Kolej Universiti Islam Antara bangsa Selangor.*

<https://ismaweb.net/2020/09/07/isu-bendera-terbalik-pertikai-kuasa-raja-melayu-mana-prinsip-rukun-negara/>, diakses pada 22 Februari 2021.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tindakan-mb-kedah-batal-cuti-thaipusam-untuk-puaskan-agenda-sendiri-dakwa-pemimpin-pkr-279190>, diakses pada 22 Februari 2021.

<https://www.astroawani.com/video-malaysia/roh-rukun-negara-perlu-dihayati-diamalkan-1865093>, diakses pada 22 Februari 2021.

<https://www.themalayapost.my/jemaah-menteri-mahu-semua-pihak-menghormati-kedaulatan-undang-undang-negara/>, diakses pada 22 Februari 2021.

Kua Kia Soong. (2007). *May 13 Declassified Documents On The Malaysian Riots of 1969*. Selangor: SUARAM Komunikasi.

Mohd Sufiean Hassan. (2013). *Melaka Prihatin Isu Raja-raja Melayu Dalam Doktrin Raja Berpelembagaan Negara*. Melaka Hari Ini. Rencana. 1 Julai 2013 :17-18.

Raduan Tambi. (2013). *Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

*Sinar Harian*, 22 Februari 2021

Tunku Abdul Rahman. (2007). *13 Mei Sebelum Dan Selepas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004). *Principle's Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct*. *Journal of Educational Administration*. 42(5), 573-585.